

# PERADUAN HARI MERDEKA & HARI MALAYSIA 2025

## TERMA DAN SYARAT – PERADUAN ATAS TALIAN

### PENGANJUR & KELAYAKAN

- Peraduan Hari Merdeka/Hari Malaysia 2025 (“Peraduan”) ini dianjurkan oleh SME Bank (“Penganjur”) dan terbuka kepada semua penduduk Malaysia berumur 12 tahun ke atas yang mempunyai MyKad yang sah.
- Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
  - Kakitangan Penganjur, termasuk syarikat berkaitan dan anak syarikatnya, serta ahli keluarga terdekat (anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan); dan/atau
  - Wakil, pekerja, kakitangan dan/atau ejen penyedia perkhidmatan pengiklanan dan/atau promosi Penganjur (termasuk syarikat berkaitan dan anak syarikatnya), serta ahli keluarga terdekat mereka.

### TEMPOH

- Peraduan ini berlangsung dari 25 Ogos hingga 7 September 2025, waktu Malaysia (“Tempoh”).
- Penganjur berhak untuk meminda Tempoh pada bila-bila masa dengan memberikan notis di laman web atau laman Facebook Penganjur sebelum perubahan/penggantian berkuat kuasa. Penyertaan yang dihantar di luar Tempoh akan dibatalkan.

### PENYERTAAN & KRITERIA KELAYAKAN

- Peserta mesti:
  - Memuat naik gambar yang memberi inspirasi serta kisah ringkas mengenai seorang pemilik perniagaan atau usahawan yang mereka kenali dan mencerminkan salah satu tonggak kempen (Harapan, Nilai dan Kemajuan)
  - Penulisan terhad kepada 100 patah perkataan.
- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, Dasar Privasi SME Bank, serta keputusan yang dibuat oleh Penganjur.
- Pemenang akan dipilih secara rawak dan dimaklumkan melalui alamat emel yang diberikan pada 11 September 2025.

### HADIAH

- Seramai enam (3) peserta dengan penyertaan yang layak akan dipilih secara rawak. Setiap pemenang akan menerima dua (2) hadiah. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan, tetapi hanya layak memenangi maksimum dua (2) hadiah sepanjang Tempoh Peraduan.
- Hadih Peraduan ini termasuk:

Bilangan Pemenang	Hadiah
3	1. Baucar Digital bernilai RM400 2. Hadiah korporat eksklusif SME Bank

## PENEBUSAN HADIAH

1. Pemenang akan dimaklumkan melalui alamat emel yang diberikan pada 12 September 2025.
  2. Penganjur akan cuba menghubungi setiap pemenang melalui emel sebanyak dua kali.
  3. Jika pemenang tidak memberikan maklum balas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh emel kedua, hadiah tersebut akan terbatalkan. Penganjur berhak memilih dan memaklumkan pemenang gantian.
  4. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan item lain yang sama nilai tanpa notis terdahulu. Semua hadiah diberikan dalam keadaan "seadanya" dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, item lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
  5. Semua pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat Peraduan.
  6. Penganjur berhak untuk menukar hadiah dengan nilai atau model berbeza dari semasa ke semasa tanpa notis terdahulu. Semua pemenang juga mesti mematuhi syarat dan terma pihak ketiga yang berkaitan dengan hadiah, jika ada.
- 

## TANGGUNGJAWAB & LIABILITI

1. Peserta menanggung sepenuhnya liabiliti dan tanggungjawab bagi sebarang kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang mungkin berlaku akibat penyertaan dalam Peraduan ini.
  2. Segala perbelanjaan untuk menyertai Peraduan dan/atau menebus hadiah adalah tanggungjawab penuh peserta.
  3. Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang masalah teknikal yang menghalang individu daripada menyertai Peraduan ini.
  4. Kecuali jika dilarang undang-undang, Penganjur tidak memberi sebarang jaminan terhadap hasil Peraduan ini dan tidak menjamin sebarang keputusan khusus daripada penyertaan.
- 

## HAK PENGANJUR

1. Dengan menghantar penyertaan, semua peserta bersetuju dan mengakui bahawa segala hak harta intelek berkaitan adalah milik Penganjur. Penganjur mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan, menyunting, mengubah dan menyiarkan penyertaan serta nama peserta, mengikut cara yang difikirkan sesuai untuk tujuan pengiklanan, promosi atau tujuan lain tanpa bayaran pampasan atau notis lanjut.
  2. Penganjur berhak untuk mengubah, menangguh atau membatalkan Peraduan ini sekiranya berlaku masalah teknikal atau keadaan lain di luar kawalan.
  3. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang didapati atau disyaki mengganggu Peraduan atau melanggar Terma dan Syarat ini, serta mengambil tindakan undang-undang jika perlu.
- 

## TERMA & SYARAT LAIN

1. Terma & Syarat ini tersedia dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Namun, sekiranya terdapat percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
  2. Keputusan hakim yang dilantik adalah muktamad dan sebarang surat-menurut tidak akan dilayan.
  3. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju dengan Terma & Syarat ini serta keputusan Penganjur.
  4. Sebarang perubahan, penambahan, pembatalan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini akan dimaklumkan 21 hari lebih awal sebelum ia berkuat kuasa.
-

## **DATA PERIBADI**

Dengan menyertai Peraduan ini, peserta secara sukarela memberikan kebenaran kepada Penganjur dan/atau syarikat berkaitan untuk menggunakan data peribadi dan maklumat seperti nama, nombor MyKad, alamat surat-menyurat (seperti dalam MyKad), nombor telefon bimbit, emel, untuk tujuan yang berkaitan dengan Peraduan sahaja.

Peserta mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

- a) Menarik balik kebenaran penggunaan data peribadi;
- b) Memohon sebarang pembetulan/kemaskini data peribadi;
- c) Mengemukakan pertanyaan berhubung penggunaan data peribadi dengan menghubungi Penganjur melalui "Private Message" di laman Facebook Penganjur.